



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA
Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD 3(19)
Tarikh : 14 Mac 2025
Bersamaan : 13 Ramadan 1446H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 19/2025(O) : PENGHANTARAN PENYATA SARAAAN DARIPADA PENGGAJIAN (BORANG E) KE LEMBAGA HASI DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM) SECARA E-FILING MELALUI PORTAL MYTAX

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

- Untuk makluman tuan/puan, adalah menjadi tanggungjawab setiap PTJ (Majikan/Wakil Majikan) untuk mengemukakan Borang E kepada LHDNM secara e-Filing melalui portal MyTAX. Tarikh penghantaran Borang E ini bermula **1 Mac 2025 sehingga 31 Mac 2025**.
- Data C.P.8D telah dihantar oleh Pejabat Perakaunan ke LHDNM secara Data Prais semasa proses penajaan Penyata Pendapatan Tahunan (Borang EC). Justeru itu, semasa pengisian Borang E secara e-Filing, PTJ hendaklah mengisi ruangan cara pengemukaan C.P.8D dengan memilih "**Melalui e-Data Prais/e-CP8D**".

Cara pengemukaan C.P.8D	<input type="button" value="info"/>	-- Sila Pilih -- -- Sila Pilih -- Melalui e-Data Prais / e-CP8D Pemacu USB Melalui e-mel kepada CP8D@hasil.gov.my Dikecualikan - Tiada Pekerja Bersama Borang E
-------------------------	-------------------------------------	--

4. PTJ juga perlu mencetak dan menyimpan Borang E bagi Tahun Taksiran 2024 bagi tujuan rekod PTJ dan pengauditan oleh LHDN. Kerjasama dan perhatian tuan/ puan untuk mengambil tindakan di atas dalam tempoh masa yang ditetapkan amatlah dihargai bagi mengelakkan sebarang penalti dikenakan.

5. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Pengisian e-Filing Borang E oleh Majikan untuk makluman dan rujukan tuan/puan.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(AIDAH BINTI MOHD ISA C.A.(M))

Seksyen Operasi

b.p: Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka